



**SIARAN AKHBAR**  
**JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN**  
**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**  
**05 SAFAR 1443H / 12 SEPTEMBER 2021M**

Berikutan dengan situasi terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan dengan ini ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa perkhidmatan-perkhidmatan kaunter Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan hanya dibuka 2 hari dalam seminggu iaitu pada hari dan waktu seperti berikut:

BIL	KAUNTER	PERKHIDMATAN	HARI	WAKTU
1	<b>BAHAGIAN KEWANGAN,</b> Bangunan Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan, Jalan Perdana Menteri	<ul style="list-style-type: none"><li>Pembayaran petak Tamu Selera</li><li>Pembayaran Kompaun Sampah</li><li>Pembayaran Sebutharga</li></ul>	Hari Isnin & Hari Khamis	8.15 Pagi hingga 12.00 Tengahari
2	<b>UNIT LETAK KERETA DAN PENGURUSAN KOMPLEKS TAMU KIANGGEH,</b> Bangunan Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jalan Elizabeth 2, Bandar Seri Begawan	<ul style="list-style-type: none"><li>Pembayaran Tuntutan Letak Kereta</li><li>Pembayaran sewa Bangku / Kiosk Kompleks Tamu Kianggeh</li></ul>	Hari Isnin & Hari Khamis	8.15 Pagi hingga 11.00 Pagi
3.	<b>PASAR GADONG</b> Bilik Tingkat Atas, Bangunan Pasar Gadong	<ul style="list-style-type: none"><li>Pembayaran Sewa Bangku /Petak / Ruang Pasar Gadong</li></ul>	Hari Isnin & Hari Khamis	8.15 Pagi hingga 10.00 Pagi

Dalam pada itu bagi perkhidmatan pembayaran cukai bangunan adalah disarankan untuk menggunakan **kaedah pembayaran secara dalam talian 'online' melalui aplikasi telefon pintar perbankan iaitu Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) dan Baiduri Bank Berhad.** Bagaimanapun kemudahan **'DROP BOX'** juga disediakan bagi pembayaran cukai bangunan menggunakan cek atas nama Kerajaan Negara Brunei Darussalam di tingkat bawah Bangunan Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan, Jalan Perdana Menteri. Sementara kaunter-kaunter perjumpaan di bahagian-bahagian adalah ditutup buat sementara waktu sehingga satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.

Untuk perhatian pihak jabatan ini juga akan menghadkan jumlah keramaian pada satu masa dan memastikan setiap yang berurusan hendaklah mengikut Prosedur Operasi Standard (Standard Operating Procedure - SOP) yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan, termasuklah pemeriksaan suhu badan; mengimbas Kod QR Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan dengan menggunakan aplikasi Bruhealth setiap kali masuk dan juga keluar dari bangunan dan penggunaan sungkup muka (*face mask*).

Untuk sebarang pertanyaan, orang ramai bolehlah menghubungi HOTLINE Jabatan ini ditalian **+673 7179900 (Unit Korporat, Perhubungan Awam dan Penyelidikan) dan +673 729112 (Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang)**

**-TAMAT-**

Disediakan oleh:

UNIT KORPRAT, PERHUBUNGAN AWAM DAN PENYELIDIKAN, JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN ☎: +673 2232424 SMB : 114 / 365 <a href="http://www.bandaran-bsb.gov.bn">www.bandaran-bsb.gov.bn</a> ✉ info@bandaran-bsb.gov.bn 📷 jabatanbandaran.bsb 📞 +673 7179900
--